

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]**

**SOALAN NO. 281**

**DR. MICHAEL TEO YU KENG** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyediakan peruntukan untuk pertubuhan-pertubuhan belia dan sukan yang berdaftar dalam tahun 2019, untuk membantu dan mendorong penglibatan golongan anak muda dalam aktiviti belia dan sukan yang sihat. Adalah dimaklumkan bahawa peruntukan untuk tujuan tersebut telah diberhentikan oleh Kerajaan dulu dalam tahun 2016.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak menyediakan peruntukan kepada pertubuhan belia dan sukan yang berdaftar pada tahun 2019 namun tetap memproses dan mempertimbangkan permohonan daripada semua pertubuhan-pertubuhan belia dan sukan. Walau bagaimanapun, permohonan adalah melalui e-Bantuan dalam Sistem Pengurusan Sukan Bersepadu (SPSB) di laman sesawang <https://spsb.kbs.gov.my/>.

Sekian, terima kasih.